

DM 2

MENGUKUHKAN PENGURUSAN KSAS MELALUI LIBATSAMA KOMUNITI DESA

DM 2.2: Cadangan Program Alam Sekitar – Kawasan Persisiran Pantai

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Cadangan ini memfokuskan kepada kawasan pantai yang mengalami hakisan pantai tahap kritis dan mengundang bahaya khususnya kepada penduduk desa yang tinggal berdekatan pesisir pantai.
- Dapat memulihara semula kawasan pantai sekali gus menjana peluang pendapatan masyarakat setempat.

Komponen Cadangan:

- Mengenal pasti kampung terlibat yang terletak di Kawasan zon penampang 500 meter pesisir pantai tahap kritis.
- Menggalakkan libatsama komuniti dalam Program Penanaman Semula Anak Pokok Bakau dan Program Penanaman Pokok Rhu Pantai di kawasan yang terdedah kepada masalah hakisan pantai dan di pesisir pantai.
- Mewujudkan Bengkel Latihan Penanaman Pokok Bakau, Pokok Rhu Pantai dan spesies yang bersesuaian di pesisir pantai dengan penyertaan libatsama masyarakat setempat.

Kaedah Pelaksanaan:

- Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Penanaman Pokok Bakau dan Spesies – Spesies yang Sesuai di Pesisir Pantai.
- Kriteria pemilihan kampung adalah kampung yang terletak di kawasan zon penampang 500 meter pesisir pantai tahap kritis.



Foto: Kawasan risiko hakisan pantai di Pantai Rekreasi Punggor, Kampung Punggor, Batu Pahat.

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **22 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Desa
Batu Pahat	-	5
Kluang	-	-
Mersing	-	17
Jumlah	-	22

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
• Jabatan Pengairan Saliran (JPS)	• Jabatan Pengairan Saliran (JPS)
• Jabatan Alam Sekitar (JAS)	• Jabatan Alam Sekitar (JAS)
• Jabatan Perhutanan	• Jabatan Perhutanan

ANGGARAN KOS

- Kos Program Penanaman Pokok Bakau Kepada Komuniti = RM 30,000/daerah x 3 tahun (Fasa 1)
- Kos Pengurusan Bengkel = RM8,000/Kg. (sekali acara) x 3 tahun (Fasa 1)

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 798,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

- Program Penanaman Semula Pokok Bakau

Program Penanaman Semula Pokok Bakau di Kawasan Pesisiran Pantai

- ❑ Program Penanaman Pokok Bakau memfokuskan terhadap kawasan berisiko hakisan pantai.
- ❑ Hutan Bakau memainkan banyak fungsi lain yang penting seperti menstabilkan pantai, mengelakkan hakisan, benteng menghalang pencemaran dan ombak besar, kenaikan paras laut dan lain-lain.
- ❑ Pemuliharaan kawasan bakau adalah penting kerana kawasan ini merupakan kawasan zon penanaman semula jadi untuk mengurangkan hakisan pantai.
- ❑ Melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai.

Penanda Aras Kajian



Foto: Gambar kawasan penanaman pokok rhu pantai di kawasan Pantai Semanyir, Mersing

Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara dilancarkan sebagai salah satu langkah dalam menyokong keberkesanan **Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies – Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara**.

Program ini usaha proaktif bersama **Jabatan Perhutanan, Kerajaan Negeri serta penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan penglibatan masyarakat tempatan** untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan ekosistem hutan pesisiran pantai.

Sumber: [Bakau.Forestry.gov.my](http://bakau.forestry.gov.my)



BENGKEL SEMAIAN DAN PENANAMAN POKOK BAKAU

- Mengenal pasti kaedah terbaik yang bersesuaian untuk penanaman pokok bakau di pinggir pantai.
- Aktiviti semaihan dan penanaman pokok bakau.
- Mengenalpasti spesies pokok pantai yang bersesuaian ditanam di pesisiran pantai bagi mengurangkan hakisan pantai.
- Penglibatan NGO, komuniti dan pertubuhan tempatan dalam pelaksanaan aktiviti penanaman pokok bakau dan spesies yang sesuai di pesisiran pantai.

PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT

Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara

Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara dilancarkan sebagai salah satu langkah dalam menyokong keberkesanan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara. Usaha proaktif bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kerajaan-Kerajaan Negeri serta Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri dalam pengurusan kempen kesedaran ini dilihat sebagai tanggungjawab sosial kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang prihatin.

Objektif Kempen

- Objektif utama kempen ini ialah untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan ekosistem hutan pesisiran pantai dan menyemai rasa cinta terhadap alam semulajadi;
- Ianya juga bertujuan menggalakkan penglibatan aktif pelbagai lapisan masyarakat khususnya pelajar sekolah dalam aktiviti-aktiviti penanaman pokok dan memberi pendekongan secara hands on kepada masyarakat awam berhubung dengan aspek-aspek pembelajaran terutama berkaitan dengan perlindungan dan pemuliharaan hutan pesisiran pantai.

Foto: Poster Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Persisiran Pantai Negara

Sumber: [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia](http://bakau.forestry.gov.my)

D4 – 43

Penanda Aras

- Program Penanaman Pokok Rhu Pantai Dan Spesies Pokok Bersesuaian di Pesisiran Pantai

Program Penanaman Pokok Pesisir Pantai Di Muara Sungai Sepang Besar

- ❑ Penanaman sebanyak 1,000 pokok bakau dan 600 pokok seperti ketapang dan rhu pantai telah dilaksanakan di muara Sungai Sepang Besar untuk kelestarian rendah karbon dan pembangunan mampan.
- ❑ Penanaman pokok di pesisir pantai ini penting kerana mampu mengawal iklim serta berfungsi sebagai pelindung semulajadi kepada hakisan dan ombak.
- ❑ Program ini telah berlangsung bagi menyahut seruan kerajaan untuk menanam 100 juta batang pokok menjelang 2025.



Foto: Peserta Program Tanaman Pokok Pesisir Pantai Di Muara Sungai Sepang Besar.

Sumber: Artikel Kosmo, 2022

Program Penanaman Pokok dan Pembersihan Pantai Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)

- ❑ Penanaman sebanyak 500 pokok renek dan 36 pokok rhu di sepanjang pesisir Pantai Remis dalam usaha memulihara dan memelihara kawasan pelancongan.
- ❑ Program kelestarian itu adalah sebahagian daripada agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi merealisasikan objektif kelestarian syarikat.
- ❑ Sebanyak 19,600 pokok sudah ditanam sukarelawan UMW melalui program ini sejak tahun 2011 .
- ❑ Program ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan penduduk setempat supaya berganding bahu memelihara serta memulihara alam sekitar demi kepentingan bersama.

Sumber: Artikel Majlis Perbandaran Kuala Selangor, 2019

Hari Hutan Antarabangsa Ke-48 dan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Kelantan

- Penanaman sebanyak 400 pokok rhu pantai di Pantai Senok selari dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu seruan '*Go Green*' di bawah Program Penghijauan Dalam Bandar.
- Penanaman pokok rhu di kawasan persisiran pantai sejak tahun 2009 yang kini giat dilengkapkan dengan kemudahan fizikal serta landskap.
- Objektif penaman pesisir pantai di negeri Kelantan adalah untuk mengurangkan karbon, menangani isu perubahan iklim, pemanasan global, menjaga kekuatan pantai serta sebagai daya tarikan pelancong.



Foto: Penanaman Pokok Rhu Pantai Di Pantai Senok


Sumber: Artikel Malaysia Dateline, 2019



Foto: Penanaman Pokok Rhu di Sepanjang Pesisir Pantai Remis .

Sumber: Artikel Malaysia Dateline, 2019

Rajah 7.25: Taburan Kampung Terlibat Cadangan Program Pesisiran Pantai



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Terlibat Cadangan
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Hakisan Pantai Tahap 4 - Batu Pahat
- Hakisan Pantai Tahap 3 - Mersing

KAMPUNG TERLIBAT HAKISAN PANTAI MERSING

1. Kg. Tanjung Penyabong
2. Kg. Simpang Penyabong
3. Kg. Teluk Sari
4. Kg. Sisek
5. Kg. Tanjung Resang
6. Kg. Tenglu Laut
7. Kg. Benaung
8. Kg. Tanjung Genting
9. Kg. Makam
10. Kg. Bukit Pedoman
11. Kg. Sri Lalang
12. Kg. Siapu
13. Kg. Air Merah
14. Kg. Mersing Kanan
15. Kg. Sri Lalang Laut
16. Kg. Air Puteri
17. Kg. Teluk Iskandar

KAMPUNG TERLIBAT HAKISAN PANTAI BATU PAHAT

1. Kg. Parit Terus
2. Kg. Bukit Batu Laut
3. Kg. Sungai Lurus Laut
4. Kg. Sungai Punggur Laut Barat
5. Kg. Sungai Punggur Laut